

# FTA: Bush digesa gantung rundingan dengan Malaysia

U.M. - 2/2/2007

**Kongres AS baru-baru ini meluaskan dan memperketatkan Akta Sekatan Iran dengan menghendaki sekatan dikenakan ke atas syarikat yang terlibat dalam pembangunan sektor tenaga Iran**

**WASHINGTON** 1 Feb. - Seorang anggota kanan Kongres Amerika Syarikat (AS), Tom Lantos semalam mengesa pentadbiran Presiden George W. Bush mengantung rundingan perdagangan bebas (FTA) dengan Malaysia sebagai memprotes perjanjian projek tenaganya dengan Iran.

Lantos yang mengetuai jawatankuasa hal ehwal luar Dewan Perwakilan AS menggambarkan perjanjian RM57.6 bilion (AS\$16 bilion) yang ditandatangani pada bulan lalu antara syarikat milik kerajaan Iran, National Iranian Oil Company dengan Kumpulan SKS dari Malaysia sebagai sesuatu yang 'sangat dibenci.'

"Kerana itulah saya hari ini mengirim sepucuk surat kepada wakil perdagangan kita, Susan Schwab untuk meminta semua rundingan antara AS dengan Malaysia mengenai perjanjian perdagangan bebas digantung sehingga Malaysia membatalkan perjanjian yang dicadangkan ini," kata anggota Demokrat itu dalam satu sesi keterangan di Kongres semalam.

Dalam suratnya kepada Schwab, Lantos menyifatkan perjanjian Malaysia-Iran itu sebagai perkembangan membimbangkan

yang pada pandangan beliau menuntut tindakan segera oleh pentadbiran Bush.

Kongres AS baru-baru ini meluaskan dan memperketatkan Akta Sekatan Iran dengan menghendaki sekatan dikenakan ke atas syarikat yang terlibat dalam pembangunan sektor tenaga Iran.

Perjanjian bagi tempoh 25 tahun itu adalah untuk membangunkan telaga gas luar pesisir di Ferdos dan Golshan, tenggara Iran di samping membina loji-loji gas asli cecair (LNG).

"Memandangkan tujuan utama mana-mana FTA adalah untuk mengukuhkan kerjasama selaras dengan matlamat strategik AS yang lebih luas, saya berpendapat kita berhak menuntut kerajaan Malaysia menyokong kita dalam mengutuk perjanjian LNG ini dan lebih penting, memastikan ia dibatalkan sebelum kita meneruskan rundingan lanjut mengenai FTA," kata Lantos.

Malaysia, tambah beliau, bakal mendapat faedah besar daripada FTA dengan AS dan "adalah penting rakan-rakan dagangan kita tidak terlibat secara aktif atau pasif untuk menjejaskan dasar-dasar keselamatan kita yang paling asas."

Pejabat Wakil Perdagangan AS (USTR) menyatakan, pihaknya sedang mengkaji permintaan Lantos itu.

"Kami sudah menerima surat berkenaan dan sedang mengkajinya," kata jurucakap USTR, Stephen Norton.

AS dan Malaysia sedang bersiap sedia untuk mengadakan rundingan pusingan kelima dan penting bagi merangka perjanjian perdagangan bebas sebelum kuasa Bush untuk meluluskannya berakhir pada Jun ini.

Satu perjanjian berbilion-bilion dolar yang dicadangkan oleh syarikat-syarikat minyak gergasi, Repsol dari Sepanyol dan Royal Dutch Shell untuk membantu mengkomersialkan simpanan gas Iran boleh juga mencetuskan sekatan AS.

Agensi berita Iran, ISNA pada Ahad lalu melaporkan, Iran sudah menandatangani per-

janjian awal dengan Repsol dan Shell untuk menghasilkan gas asli cecair dari telaga gas South Pars di Iran dalam perjanjian bernilai kira-kira RM36 bilion (AS\$10 bilion).

Jurucakap Jabatan Negara, Sean McCormack berkata, perjanjian pelaburan itu jika disahkan dijangka membawa kepada siasatan AS dan kemungkinan sekatan di bawah undang-undang AS.

Akta Sekatan Iran-Libya 1996 mewajibkan Presiden AS mengenakan sekatan ke atas mana-mana syarikat yang melabur lebih RM72 juta (AS\$20 juta) dalam sektor tenaga Iran.

Iran baru-baru ini juga mengumumkan, ia akan memeteraikan perjanjian gas bernilai RM57.6 bilion (AS\$16 bilion) dengan pengeluaran minyak luar pesisir terbesar dari China, CNOOC.

- AFP